



KOPI PAHIT

Albar, dikatakan telah berkata bahawa kalau orang-orang hendak membeli tiket loteri niatkanlah kerana berderma untuk mendirikan masjid – bukan berjudi! Sebab katanya Nabi (S.A.W.) pernah bersabda: *Inna mā al-a'mālu bi al-niyāt.... mā shā'a Allāh, Albar.* Kalau begitu, kalau mau minum arak diniatkan berubat sudah terlepaskah daripada dosanya. Beginilah keadaannya dunia sekarang!

* * *

Di malam gelanggang pertunjukan yang menyolok mata telah berlaku iaitu pertunjukan fesyen baju jarang yang nampak coli sehingga menyebabkan Encik Abdul Rahim Ishak, Setiausaha Siasah Kementerian Kebudayaan keluar dari pertunjukan itu sebagai bantahan. Apabila disiasat, P. Ramlee, tuan punya majlis gelanggang yang mengadakan pertunjukan itu, tatkala ditanya mengatakan tidak tahu hal itu. Ini kan terlalu – ia yang bertanggungjawab dan yang mengadakan serta mengambil bahagian bersama-sama – tidak tahu! Habis siapa yang mesti tahu??!

* * *

Orang-orang bilang bantahan terhadap cerita ketuhanan yang disiarkan oleh Radio Singapura dan ulangannya disiarkan di Radio Malaya hanya ribut di cawan sahaja, sekarang telah melihat bahawa sebenarnya orang-orang Islam merasa dihinakan oleh cerita sandiwara itu. Alasannya dapat dilihat bahawa Albar terpaksa bersiap-siap untuk menjawab pertanyaan wakil PAS, Othman Abdullah dalam perkara ini! Inilah gara-garanya kalau orang jahil memperkatakan agama!

* * *

Apabila timbul perselisihan sesama sendiri di dalam PAS Terengganu, maka Pesuruhjaya PAS Terengganu al-Ustādh Ahmad Azam telah berkakok bahawa ia hendak membongkar segala rahsia PAS di Terengganu kepada ramai. Syabas Ustaz! Rupanya sifat-sifat pengajaran dalam pemimpin Islam,

kalau terbit perbalahan mau selak kain orang! Apakah ini satu pengajian Islam di dalam memperjuangkan cita-cita Islam? Kalau beginilah sifat-sifat mereka yang mau ke tengah untuk memimpin umat maka jagalah kehancurannya sebab itu hendaklah lapang dada dan dapat mengatasi semua kesulitan, mencari islah lebih dahulu daripada kedudukan dan maslahat diri. Baik-baik Bung, jangan kerana perbuatan yang cuai merosakkan pandangan orang kepada kesucian Islam.

* * *

Apabila keadaan agama tidak begitu menyenangkan, maka orang-orang awam, seperti Rahman B. umpamanya lalu kononnya menyalahkan ulama atas kejatuhan Islam itu. Kononnya seperti ini, kerana jahilnya selalu menyalahkan orang pada hal tanggunjawab atas agama itu kepada sekalian pemeluk-pemeluk agama Islam, yang pandai mengajar, yang bebal belajar. Dalam hal ini yang sulit, yang bebal itu berhajat semuanya disodorkan ke mukanya sahaja, sedang mereka enggan belajar dan kemudian berteriak-teriak menyalahkan orang. Inilah dunia Bung! Salah orang disebut salah awak sendiri tak nampak.

* * *

Majalah Gelanggang kepunyaan P. Ramlee mengadakan malam gelanggang. Di sana dilakukan istiadat-istiadat menyampaikan hadiah kepada pilihan ramai ke atas keistimewaan dalam bahagian filem dan banyak yang menerima hadiah ialah P. Ramlee sendiri. Dengan ini, kerana gelanggang dipunyai oleh P. Ramlee, ertinya majlis itu majlisnya maka orang-orang hanya tersenyum mengatakan ini “masuk bakul....?”

* * *

Alwi al-Hadi telah menyalahkan ulama di Semenanjung kerana mengkafirkan orang termasuk mengkafirkan orang-orang “yang berjasa mengIslamkan, profesor, paderi dan seumpamanya” dan inilah kononnya yang menjadi sebab perpecahan Islam di Tanah Melayu. Ia seterusnya memohon supaya Sultan-sultan melarang perbuatan mengkafirkan “orang-orang yang berjasa” itu. Dengan sindiran yang tidak menyebut nama siapa “orang-orang yang berjasa” itu orang ramai sudah dapat jelas: lain tidak ialah Qadiani. Sekarang orang bertanya apakah Alwi al-Hadi sudah masuk komplotan Qadiani? Kalau tidak sekurang-kurangnya orang yang bersimpati kepada Qadiani. Kalau mau tau keterangan lebih panjang tanya sama

– Cemeti al-Farouk.